

SISTEM WEB KHAIRAT KEMATIAN MASJID TAMAN SRI SAUJANA

Farah Nurazira Binti Rahim, Nazatul Aini Binti Abd Majid

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat
43600 Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Sistem pengurusan data khairat kematian secara manual masih diamalkan oleh sebahagian besar masjid, termasuk Masjid Taman Sri Saujana. Pengurusan ini menggunakan kaedah catatan tangan dan rekod Excel yang tidak tersusun, yang berisiko menyebabkan kehilangan data serta kelewatan dalam pengemaskinian maklumat. Justeru, kajian ini dijalankan untuk membangunkan satu sistem web yang dapat membantu pihak pengurusan masjid menguruskan data ahli dengan lebih cekap, tersusun dan mesra pengguna. Objektif utama kajian ini adalah untuk menyediakan sebuah platform sistem web yang membolehkan pendaftaran ahli, pengurusan maklumat, penjejakan rekod pembayaran, serta penjaan laporan dan analisis statistik. Kajian ini menggunakan metodologi Agile bagi memastikan pembangunan sistem dapat disesuaikan mengikut maklum balas pengguna secara berperingkat. Sistem ini dibangunkan menggunakan Laravel sebagai kerangka kerja backend, React.js sebagai antaramuka frontend, dan MySQL sebagai pangkalan data. Visualisasi data seperti jumlah ahli dan kawasan keahlian dipaparkan menggunakan Chart.js. Hasil kajian menunjukkan sistem yang dibangunkan berupaya meningkatkan kecekapan pentadbiran, mengurangkan risiko kehilangan data, serta memberikan kemudahan capaian maklumat kepada pengguna. Penilaian kebolehgunaan sistem melalui borang soal selidik menunjukkan tahap kepuasan pengguna yang positif terhadap antara muka, kefungsiannya, dan kemudahan penggunaan sistem. Cadangan penambahbaikan merangkumi penambahan modul pembayaran atas talian, fungsi cetakan automatik, serta integrasi sistem dengan platform komunikasi seperti WhatsApp untuk pemberitahuan ahli.

Kata kunci: Khairat kematian, Sistem pengurusan, Laravel, React.js, MySQL, Agile, Visualisasi data

Abstract

Manual death benefit (khairat kematian) data management is still practiced by many mosques, including Masjid Taman Sri Saujana. This approach involves handwritten records and unstructured Excel files, which are prone to data loss and delays in information updates. Therefore, this study aims to develop a web-based system to assist mosque administrators in managing membership records more

efficiently, systematically, and user-friendly. The main objective of this project is to provide a web platform that supports member registration, data management, payment tracking, and the generation of reports and statistical analysis. The Agile methodology was adopted to allow continuous improvements based on user feedback throughout the development phase. The system was developed using Laravel as the backend framework, React.js for the frontend interface, and MySQL as the database. Data visualisation, including membership statistics and area distribution, was implemented using Chart.js. Findings show that the system successfully improves administrative efficiency, reduces the risk of data loss, and enhances information accessibility. Usability testing through questionnaires demonstrated high user satisfaction with the system interface, functionality, and ease of use. Recommended improvements include the addition of an online payment module, automated report printing, and integration with communication platforms such as WhatsApp for member notifications.

Keywords: Death benefit, Management system, Laravel, React.js, MySQL, Agile, Data visualization

1.0 PENGENALAN

Projek ini bertajuk Sistem Web Khairat Kematian Masjid Taman Sri Saujana, yang dibangunkan sebagai respons terhadap keperluan untuk meningkatkan kecekapan dan ketelusan dalam pengurusan khairat kematian. Khairat kematian merupakan satu bentuk bantuan kewangan yang diberikan kepada keluarga ahli kariah yang meninggal dunia, bertujuan untuk meringankan beban kewangan mereka dalam menguruskan jenazah. Namun begitu, pengurusan secara manual yang masih diamalkan oleh sebahagian besar masjid, termasuk Masjid Taman Sri Saujana, menimbulkan pelbagai masalah seperti kelewatan pengagihan bantuan, kesilapan rekod, serta kesukaran akses kepada maklumat terkini.

Ketiadaan sistem digital menyebabkan ahli kariah sukar untuk menyemak status yuran dan tuntutan mereka, sekali gus menjejaskan kepercayaan terhadap sistem sedia ada. Dalam era digital, pengaplikasian teknologi dapat memainkan peranan penting dalam menyelesaikan isu-isu ini. Sistem seperti e-Khairat dan Digital Khairat telah membuktikan bahawa pendekatan digital mampu mempercepatkan proses pendaftaran ahli, kemaskini maklumat, dan pengurusan bayaran yuran secara fleksibel serta efisien.

Oleh itu, projek ini dibangunkan untuk membina sebuah sistem web pengurusan khairat kematian yang mampu menangani kelemahan sistem manual. Sistem ini akan merangkumi fungsi pendaftaran ahli, semakan status yuran, notifikasi digital, serta penjanaan resit dan rekod tuntutan secara automatik. Dengan menyediakan capaian maklumat yang cepat dan tepat, sistem ini diharapkan dapat meningkatkan tahap kepercayaan ahli kariah terhadap pengurusan

masjid, serta meringankan beban pentadbiran pihak pengurusan. Projek ini juga memberi impak besar kepada masyarakat, khususnya dalam memastikan pengurusan bantuan khairat dilaksanakan secara lebih sistematik, telus dan mesra pengguna.

2.0 KAJIAN LITERATUR

Sistem Web Khairat Kematian Masjid Taman Sri Saujana

Pengurusan khairat kematian secara digital telah diperkenalkan oleh beberapa organisasi sebagai usaha untuk meningkatkan kecekapan serta ketelusan dalam penyampaian bantuan kematian kepada ahli kariah. Antara sistem yang dikenalpasti ialah Sistem e-Khairat, yang digunakan oleh beberapa masjid dan institusi Islam tempatan. Sistem ini merangkumi fungsi asas seperti pendaftaran ahli dalam talian, semakan status yuran, dan penjaan laporan tuntutan secara automatik (Zulkifli, 2020). Namun begitu, kajian oleh Hassan et al. (2021) melaporkan bahawa antaramuka sistem tersebut tidak mesra pengguna dan kekurangan mekanisme notifikasi yang efektif kepada pengguna akhir.

Selain itu, Sistem Digital Khairat yang diperkenalkan oleh Masjid Al-Hikmah menunjukkan peningkatan dari segi pengurusan pembayaran dalam talian dan penjaan resit digital (Rahman, 2022). Kajian ini juga menekankan kepentingan integrasi sistem dengan rekod keahlian dan transaksi kewangan bagi memudahkan urus tadbir. Namun, sistem ini tidak menyediakan visualisasi data secara masa nyata dan kekurangan ciri pelaporan analitik untuk membantu pengurusan membuat keputusan yang lebih baik.

Menurut Shahrul dan Nordin (2021), antaramuka yang menyokong notifikasi automatik dan paparan data visual seperti jumlah ahli, status pembayaran, dan tuntutan aktif dapat meningkatkan kepercayaan pengguna terhadap sistem. Kajian mereka ke atas sistem koperasi menunjukkan bahawa ketelusan maklumat dan kemudahan akses kepada status terkini adalah antara faktor utama dalam memastikan kejayaan sesebuah sistem digital komuniti.

Melalui analisis sistem-sistem sedia ada, dapat dirumuskan bahawa aspek seperti notifikasi automatik, rekod keahlian yang dikemaskini masa nyata, serta paparan visual yang mesra pengguna masih kurang diberi perhatian. Oleh itu, projek ini membangunkan sebuah sistem pengurusan khairat kematian berasaskan web yang mengintegrasikan modul pendaftaran ahli, semakan status yuran dan tuntutan, penjaan resit digital, serta paparan dashboard analitik. Sistem ini turut menyokong capaian mudah oleh pengguna dan pihak pengurusan, dengan matlamat untuk meningkatkan tahap kecekapan, ketelusan dan kepercayaan masyarakat terhadap pengurusan khairat kematian.

3.0 METODOLOGI

Metodologi Agile telah digunakan dalam pembangunan Sistem Web Khairat Kematian Masjid Taman Sri Saujana kerana sifatnya yang fleksibel dan iteratif, sesuai untuk pembangunan individu. Projek ini dibahagikan kepada beberapa sprint, di mana setiap sprint merangkumi fasa perancangan, reka bentuk, pembangunan, pengujian, dan pelaksanaan. Keperluan sistem dikumpul melalui perbincangan dengan pihak masjid, kemudian dibahagikan mengikut keutamaan dalam backlog. Setiap modul seperti pendaftaran ahli, tuntutan kematian, dan pengurusan yuran dibangunkan secara berperingkat. Modul yang siap diuji melalui ujian unit dan integrasi, dan maklum balas pengguna digunakan untuk penambahbaikan. Sistem kemudiannya dilaksanakan dalam persekitaran sebenar, disertai latihan kepada pengguna. Pendekatan ini membolehkan pembangunan sistem dijalankan dengan lebih tersusun dan responsif terhadap keperluan sebenar.



Rajah 1: Metodologi Agile

4.0 HASIL


Hasil daripada pembangunan ini ialah sebuah sistem web pengurusan khairat kematian yang lengkap dan boleh digunakan oleh pihak pengurusan Masjid Taman Sri Saujana serta ahli kariah. Sistem ini dibangunkan menggunakan Laravel sebagai rangka kerja utama, dengan antara muka yang responsif dan mesra pengguna menggunakan Tailwind CSS. Pangkalan data disusun dalam struktur hubungan (relational) menggunakan MySQL.

Antara modul utama yang telah dibangunkan ialah:


1. **Modul Pendaftaran Ahli** – Membolehkan ahli kariah didaftarkan dengan maklumat peribadi, zon kawasan, dan status yuran.
2. **Modul Tuntutan Kematian** – Membolehkan ahli keluarga membuat permohonan tuntutan, serta menyemak status kelulusan secara atas talian.
3. **Modul Pengurusan Yuran** – Menyediakan semakan status pembayaran, resit digital, dan fungsi penambahan rekod pembayaran secara manual oleh pentadbir.
4. **Dashboard Interaktif** – Memaparkan statistik jumlah ahli, jumlah tuntutan, dan aliran dana masuk dan keluar secara visual menggunakan carta.
5. **Modul Notifikasi** – Menghantar pemberitahuan kepada pengguna berkenaan status tuntutan, pembayaran yuran, dan kemas kini akaun.

Setiap modul telah diuji dan berfungsi dengan baik mengikut keperluan yang telah ditetapkan dalam fasa perancangan. Paparan sistem direka agar mudah digunakan oleh pelbagai peringkat umur pengguna, terutamanya ahli kariah yang kurang celik teknologi. Sistem ini juga telah dipersembahkan kepada pihak masjid untuk semakan dan maklum balas awal.


Secara keseluruhan, sistem ini berjaya memenuhi objektif utama projek, iaitu menyediakan platform digital yang cekap, telus, dan mesra pengguna dalam menguruskan khairat kematian.




Rajah 4.1: Halaman Dashboard Pentadbir



Rajah 4.2: Halaman Dashboard Pengguna



Rajah 4.3: Halaman Laporan Dan Analisis



Rajah 4.4: Halaman Laporan Dana Masuk

4.1 Pengujian Sistem

Pengujian sistem dilaksanakan untuk memastikan semua fungsi aplikasi web Khairat Kematian Masjid Taman Sri Saujana berjalan dengan baik dan memenuhi keperluan pengguna sasaran. Pengujian dibahagikan kepada dua bentuk utama: **Pengujian Fungsian** dan **Pengujian Kebolehgunaan**.

4.1.1 Pengujian Fungsian

Pengujian fungsian dilakukan menggunakan kaedah kotak hitam (*Black Box Testing*), iaitu dengan menguji setiap fungsi sistem berdasarkan input dan output tanpa melihat struktur kod dalaman. Antara fungsi yang diuji adalah pendaftaran ahli, log masuk pentadbir, pengurusan yuran, tuntutan kematian, paparan statistik, dan notifikasi.

Jadual 1: Fungsi yang Diuji dan Keputusan

No	Modul / Fungsi	Keputusan
1	Pendaftaran Ahli	Lulus
2	Log Masuk Pentadbir	Lulus
3	Pengurusan Yuran	Lulus
4	Tuntutan Kematian	Lulus
5	Paparan Statistik & Carta	Lulus
6	Notifikasi Pengguna	Lulus

Hasil ujian mendapati kesemua fungsi utama beroperasi dengan baik tanpa pepijat kritikal.

4.1.2 Pengujian Kebolehgunaan

Pengujian kebolehgunaan dilaksanakan bersama 4 orang pengguna yang terdiri daripada ahli kariah dan pihak pengurusan masjid. Ujian ini bertujuan menilai tahap kemudahan penggunaan, kejelasan antaramuka, dan kefungsi sistem secara keseluruhan.

Jadual 2: Penilaian Reka Bentuk Antaramuka dan UX/UI

No	Kriteria Penilaian	Penilaian
1	Antaramuka sistem kelihatan menarik dan kemas	Sangat Baik
2	Warna, susun atur dan fon mudah dibaca	Baik
3	Navigasi sistem mudah difahami	Sangat Baik
4	Sistem responsif semasa digunakan	Baik
5	Konsistensi antaramuka antara semua halaman	Sangat Baik

Secara keseluruhan, pengguna menilai antaramuka dan pengalaman penggunaan sistem berada pada tahap baik hingga sangat baik.

Jadual 3: Penilaian Kebolehgunaan dan Fungsi Sistem

No	Kriteria Penilaian	Penilaian
1	Pendaftaran ahli dapat dilakukan dengan mudah	Sangat Baik
2	Fungsi tuntutan kematian jelas dan teratur	Sangat Baik
3	Paparan statistik membantu memahami data dengan mudah	Baik
4	Fungsi notifikasi memudahkan pemantauan status permohonan	Baik

Berdasarkan maklum balas, semua fungsi utama sistem beroperasi seperti yang diharapkan. Cadangan penambahbaikan termasuk menambah fungsi carian ahli yang lebih pantas dan memperbaiki kontras warna bagi memudahkan pembacaan.

5.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pembangunan Sistem Web Khairat Kematian Masjid Taman Sri Saujana telah berjaya dilaksanakan mengikut objektif yang telah ditetapkan. Sistem ini dibangunkan bagi menyokong usaha pengurusan Masjid Taman Sri Saujana dalam menguruskan rekod ahli, pembayaran yuran, serta maklumat berkaitan khairat kematian secara sistematik, teratur dan berasaskan data yang tersimpan dengan selamat. Ia menggantikan kaedah manual sebelum ini yang mengambil masa lebih lama dan berisiko berlaku kesilapan, dengan sebuah platform digital yang mesra pengguna, mudah diakses dan mampu memproses maklumat secara automatik.

Sepanjang proses pembangunan, sistem telah melalui beberapa fasa penting termasuk analisis keperluan, reka bentuk antara muka, pembangunan sistem web, integrasi pangkalan data, serta fasa pengujian seperti ujian fungsian dan kebolehgunaan. Hasil pengujian menunjukkan sistem ini berfungsi dengan baik dan menerima maklum balas positif daripada pengguna sasaran iaitu ahli jawatankuasa masjid serta ahli kariah yang terlibat. Cabaran seperti penyesuaian reka bentuk kepada keperluan sebenar masjid dan tahap kemahiran pengguna terhadap teknologi telah diatasi melalui pendekatan pembangunan yang fleksibel dan sesi penerangan kepada pengguna.

Sistem ini bukan sahaja menepati keperluan semasa, malah mempunyai potensi besar untuk diperluaskan, termasuk menambah modul laporan kewangan automatik, pengurusan bantuan kepada ahli keluarga, dan kemas kini status keahlian secara masa nyata. Dengan pelaksanaan dan sokongan berterusan, Sistem Web Khairat Kematian Masjid Taman Sri Saujana diharapkan dapat menjadi alat pengurusan yang berkesan, meningkatkan kecekapan pentadbiran masjid, dan memberikan manfaat langsung kepada komuniti setempat. Secara tidak langsung, projek ini menyumbang kepada pembangunan teknologi pengurusan masjid yang lebih moden, telus dan responsif terhadap keperluan kariah.

6.0 PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah dan setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan rahmat-Nya, saya dapat menyiapkan projek Sistem Web Khairat Kematian Masjid Taman Sri Saujana ini dengan jayanya. Sepanjang tempoh menyiapkan projek ini, pelbagai pengalaman berharga telah saya peroleh yang pastinya memberi manfaat dalam pembelajaran dan perkembangan diri.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia projek saya, Dr. Nazatul Aini Binti Abd Majid, di atas segala tunjuk ajar, bimbingan, serta dorongan yang telah diberikan sejak dari peringkat perancangan sehingga projek ini disiapkan sepenuhnya. Segala nasihat, cadangan dan sokongan beliau telah menjadi panduan utama dalam memastikan projek ini berjalan dengan lancar.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada pihak pengurusan Masjid Taman Sri Saujana yang telah memberikan kerjasama sepenuhnya dalam proses pengumpulan maklumat dan maklum balas sepanjang pembangunan sistem. Sumbangan idea dan pandangan mereka amat membantu dalam memastikan sistem ini memenuhi keperluan sebenar masjid dan ahli kariah.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberi semangat, berkongsi ilmu, dan membantu dalam pelbagai aspek teknikal mahupun moral. Penghargaan ini turut ditujukan kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan projek ini.

Akhir sekali, setinggi-tinggi terima kasih kepada ahli keluarga saya di atas doa, dorongan dan sokongan yang tidak pernah putus. Tanpa mereka, saya tidak mungkin mampu menyiapkan projek ini dengan sebaiknya.

7.0 RUJUKAN

- Azman, I. 2011. Analisis Keberkesanan Sistem Khairat Kematian dalam Meningkatkan Pengurusan Dana Komuniti. *Jurnal Ekonomi dan Sosial*, 7(2): 101-113.
- Canva. (n.d.). Canva design platform. Retrieved from <https://www.canva.com/>
- Digital Khairat. t.th. Digital Khairat platform. Retrieved from <https://digitalkhairat.my/>
- Draw.io. (n.d.). Draw.io online diagram tool. Retrieved from <https://app.diagrams.net>
- e-Khairat. t.th. e-Khairat platform. Retrieved from <https://www.e-khairat.com/>
- Figma. (n.d.). Figma design platform. Retrieved from <https://www.figma.com>
- Hadi, M. S. 2012. Teknologi dan Sistem Pengurusan Khairat: Aplikasi dalam Komuniti. *Jurnal Teknologi Pembangunan*, 6(3): 134-145.
- Masjid Albukhary. t.th. e-Khairat platform. Retrieved from <https://www.masjidalbukhary.com.my/home/ekhairat.php>
- Mohamad, R. 2008. Reka Bentuk Sistem Berasaskan Web untuk Pengurusan Khairat: Cabaran dan Penyelesaian. *Jurnal Pengkomputeran dan Aplikasi*, 4(1): 35-46.
- Nor, A. M. 2009. Pemanfaatan Teknologi Maklumat dalam Sistem Pengurusan Dana Khairat Kematian. *Jurnal Pengurusan Teknologi*, 3(2): 115-130.
- Palawan, M. 2011. Sistem Pengurusan Khairat: Tinjauan Perkembangan Teknologi Sistem Berasaskan Web. *Jurnal Teknologi Informasi*, 5(1): 27-35.
- Puteri, N. 2013. Kajian Keberkesanan Sistem Khairat Berasaskan Web: Aplikasi dan Penambahbaikan. *Jurnal Penyelidikan Sosial*, 4(4): 72-85.
- Razak, A. 2014. Implementasi Sistem Pembayaran Khairat Secara Dalam Talian: Pendekatan Baru dalam Pengurusan Komuniti. *Jurnal Perbankan dan Teknologi*, 3(5): 82-94.
- Skim Wang Khairat Kematian (SWKK). t.th. Skim Wang Khairat Kematian. Retrieved from <https://manfaat.mof.gov.my/b2024/individu/skk>

- Siti, A. R. 2010. Sistem Pengurusan Khairat Menggunakan Platform Berasaskan Web: Kajian Kes di Malaysia. *Jurnal Teknologi Maklumat*, 8(1): 45-58.
- Hassan, R., Mohamad, S., & Ismail, N. (2021). Kajian ke atas keberkesanan sistem pengurusan digital dalam institusi keagamaan. *Jurnal Pengurusan Islam*, 17(2), 45–56.
- Rahman, A. H. (2022). Digitalisasi pengurusan khairat masjid: Kajian kes Masjid Al-Hikmah. *Persidangan Teknologi Islam 2022*, 2(1), 88–95.
- Shahrul, M. N., & Nordin, M. Z. (2021). Analisis keberkesanan sistem koperasi digital berasaskan web. *Jurnal Teknologi dan Masyarakat*, 10(1), 23–34.
- Zulkifli, A. R. (2020). e-Khairat: Sistem pengurusan bantuan kematian secara digital untuk komuniti Islam. *Institut Pengajian Islam dan Masyarakat*, Universiti Sains Malaysia.

Farah Nurazira Binti Rahim (A204113)

Dr. Nazatul Aini Binti Abd Majid

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat

Universiti Kebangsaan Malaysia